



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN – GLOBAL TIGER DAY 2021			

# Harimau Malaya pupus 10 tahun lagi

Sinar, 30 Jul  
2021\_12

Jika tiada tindakan luar biasa diambil bagi pulihara populasi spesies berkenaan

PUTRAJAYA

Malaysia bakal kehilangan spesies Harimau Malaya di habitat semula jadi dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang sekiranya tindakan luar biasa tidak dilakukan sekarang, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, populasi Harimau Malaya berada pada tahap membimbangkan dengan dianggarkan bilangan haiwan itu di dalam hutan hujan tropika Semenanjung Malaysia adalah antara 250 dan 340 ekor sahaja pada 2014 berbanding kira-kira 3,000 ekor pada sekitar tahun 1950-an.

Berucap merasmikan webinar

sempena Sambutan Hari Harimau Sedunia 2021 yang bertemakan 'Harimau Malaya: Kelangsungan Hidup Mereka. Tanggungjawab Kita Bersama' pada Khamis, Shamsul Anuar berkata, pengurangan populasi Harimau Malaya disebabkan beberapa faktor antaranya kehilangan habitat dan sumber makanan akibat aktiviti pembukaan hutan serta perubahan guna tanah yang tidak seimbang.

Menurutnya, Harimau Malaya juga menjadi sasaran utama aktiviti pemburuan dan perdagangan haram disebabkan permintaannya yang tinggi di pasaran gelap.

"Marilah kita bersama-sama memastikan Harimau Malaya tidak pupus dan simbolnya kepada Jata Negara dapat terus dikekalkan.

"Kita tidak mahu satu hari nanti, Harimau Malaya tinggal nama dan gambarnya sahaja," katanya.

Shamsul Anuar sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan mengenal pasti tindakan strategik untuk mengukuhkan inisiatif dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan habitat

Harimau Malaya yang merupakan spesies ikonik Malaysia dan menjadi simbol Jata Negara.

Inisiatif berimpak tinggi akan dilaksanakan termasuk rondaan penguatkuasaan dan pengawalan dalam kawasan habitat itu bagi mambanteras penceroboh dan pemburu haram.

Kementeriannya juga sedang melaksanakan proses pindaan ke atas Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 supaya hukuman dan penalti lebih berat dikenakan bagi kesalahan memburu spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

Sambutan Hari Harimau Sedunia merupakan acara tahunan sejak 2010 selepas dipersetujui oleh 13 Ketua-Ketua Negara Tiger Range Countries yang menghadiri Global Tiger Summit di St Petersburg, Rusia pada Oktober 2010.

Negara tersebut ialah Malaysia, India, Bangladesh, Bhutan, Kemboja, China, Indonesia, Laos, Myanmar, Nepal, Rusia, Thailand dan Vietnam. - *Bernama*

### HABITAT DAN POPULASI HARIMAU MALAYA

- Populasi terkini: Kurang 200 ekor
- Berdasarkan hasil kajian Survei Kebangsaan Pertama (2016-2018)
  - Menunjukkan situasi kritikal terhadap konservasi Harimau Malaya di Malaysia
  - Harimau Malaya hanya terdapat di Semenanjung Malaysia
  - Kawasan kellaran Harimau Malaya: 20-100 kilometer persegi
  - Wujud konflik kepada sasaran untuk tingkatkan populasi Harimau Malaya kepada 1,000 ekor

#### Pupus

- Harimau Caspian
- Harimau Bali
- Harimau Jawa

#### Masih hidup

- Harimau Siberia
- Harimau China Selatan
- Harimau Indochina
- Harimau Malaya
- Harimau Sumatera
- Harimau Bengal

